

Dilema Melayu bacaan wajib di Jepun

KUALA LUMPUR, Jumaat — Buku "Dilema Melayu" karangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kini menjadi bahan bacaan wajib di kalangan pelabur-pelabur Jepun dan ahli-ahli akademik.

Buku Perdana Menteri itu dialihbahasakan ke bahasa Jepun untuk membolehkan penduduk negara matahari terbit itu memahami masalah masyarakat majmuk Malaysia.

Kerja menterjemah buku itu dibuat oleh Encik Masayoshi Takata, Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro) di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa (Miti).

Encik Takata memberitahu *Berita Harian* dalam satu pertemuan di Tokyo minggu ini, beliau mengambil masa yang lama untuk menterje-

mah buku yang diketanya kini menjadi bahan bacaan penting di Jepun.

Buku setebal 276 muka surat itu dijual pada harga 1,600 Yen (kira-kira \$16.80). Kira-kira 4,000 salinan buku itu sudah dijual.

Encik Takata, yang pernah berkhidmat di pejabat Jetro di sini, berkata: "Saya tidur lewat setiap malam untuk menyelesaikan kerja ini. Salah seorang profesor Jepun mengesyorkan kepada saya supaya buku ini dialihbahasakan kerana kandungannya boleh membantu memahami dengan lebih jelas struktur masyarakat Malaysia."

"Orang biasa mungkin tidak membaca buku ini, tetapi ahli-ahli perdagangan dan akademik menyifatkan buku ini sebagai bahan yang di-mestikan sebelum melabur di Malaysia atau jika ingin mengkaji sosioekonominya".

Melabur

Dalam perutusannya dalam buku itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Buku Dilema Melayu ditulis dalam keadaan yang terdesak. Orang Melayu mula mempersoalkan apa makna dan faedah yang mereka perolehi setelah negara merdeka.

"Dalam masyarakat berbilang bangsa yang terdapat jurang perbezaan ekonomi antara kaum, orang Melayu membuat kesimpulan bahawa mereka ditinggal jauh ke belakang dalam kegiatan ekonomi oleh bangsa-bangsa lain, khususnya oleh kaum Cina.

"Orang Melayu berasa kerajaan yang diterajui oleh kaum mereka tidak memberi perhatian yang mencukupi kepada masalah ini."

Perutusan itu bertariikh 30 Ogos, 1983, sehari sebelum negara merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke-26. Ia juga menyebut bagaimana masyarakat Jepun yang mengandungi hanya satu bangsa mungkin tidak boleh faham pelbagai masalah yang dihadapi oleh sebuah negara majmuk.

"Bagaimanapun, orang Jepun lebih berjaya mengatasi masalah saingan daripada orang Melayu," kata Perdana Menteri.

Kulit belakang buku itu dihias dengan gambar Datuk Seri Dr Mahathir yang disertakan dengan data peribadinya.